

22/01/1999

Akal mahkota manusia

Maarop Md Noh

BERFIKIR secara logik dan bertindak luhur memang dituntut Islam. Tuntutan ini perlu dilaksanakan sebaik mungkin bagi kepentingan dan kemuliaan umat Islam. Umat Islam tidak boleh mengharap atau bergantung kepada orang lain untuk menentukan perjalanan hidup mereka. Paling penting, galakan berfikir dan bertindak adalah kurniaan tertinggi Allah untuk kemuliaan manusia.

Kelebihan berfikir menjadi garis pemisah antara manusia dengan makhluk Allah yang lain dan sekali gus mengangkat martabat manusia menjadi khalifah di bumi.

Cendekiawan terkenal memberikan pelbagai definisi mengenai cara berfikir. Antaranya Plato, Socrates dan Einstein. Tiga tokoh ahli fikir Islam memberikan definisi yang ringkas dan mudah. Mereka adalah Ibnu Arabi (tasawuf dan falsafah), Ibnu Khaldun (falsafah) dan Abu Mansor al-Maturidi (teologi). Mereka berpendapat berfikir adalah pintu khazanah ilmu.

Ketinggian berfikir sebagai kurnia murni Allah kepada hambanya dapat dirasakan dengan jelas dalam tabii dan tindakan manusia itu sendiri. Misalnya menerusi akal dan fikiran terbentuk deria rasa yang lain seperti bergerak, mendengar, melihat, mencium dan berkata-kata. Sekali gus deria terbabit membenihkan deria merasai susah, senang, kaya, miskin, cerdik, pintar, bodoh, cantik, indah, buruk, wangi, busuk dan pelbagai lagi.

Al-Quran sendiri mencerca orang yang tidak menggunakan akal fikiran. Ayat 179 surah al-A'raf dengan jelas mencerca mereka yang tidak memanfaatkan fikiran: "Dan sesungguhnya Kami jadikan isi neraka jahanam itu kebanyakannya daripada jin dan manusia, mereka yang mempunyai hati (akal fikiran) tetapi tidak digunakan untuk memahami (ayat Allah) dan mereka mempunyai mata (tetapi) tidak digunakan untuk melihat (tanda-tanda kekuasaan Allah), dan mereka mempunyai telinga (tetapi) tidak digunakan untuk mendengar (ayat Allah). Mereka seolah-olah seperti haiwan ternakan, malah lebih sesat. Mereka itulah orang yang lalai."

Ayat itu jelas menunjukkan orang yang tidak menggunakan akal fikiran dan hati (induk deria rasa) adalah paling rugi. Perkara ini berlaku kerana deria yang lain seperti bergerak, mendengar, melihat, mencium dan berkata-kata hanya berfungsi sepenuhnya apabila akal fikiran digerakkan dengan sempurna. Daripada gabungan akal dan fikiran itulah tercetusnya deria merasai gembira, sayu, dukacita, susah, senang, kaya, miskin, cerdik, pintar, bodoh, cantik, indah, buruk, wangi, busuk dan pelbagai lagi.

Rasulullah menegaskan, tidak dianggap beragama orang yang tidak berakal (maksud hadis). Kerana itu, hanya orang yang berakal diletakkan tanggungjawab (taklif) dan akan dinilai. Sementara mereka yang gila, mabuk, kanak-kanak yang belum baligh, orang tidur terlepas daripada tanggungjawab itu.

Menyedari hakikat ini sahabat, terutama Saiyidina Umar al-Khattab menganggap akal adalah mahkota manusia.

Keadaan ini mudah difahami kerana akal fikiran adalah alat penjana ilmu bagi membentuk sahsiah hidup dan sistem kehidupan. Lebih jauh lagi, hanya dengan akal dan fikiran manusia membina kebudayaan, sistem ekonomi, politik sosial, pendidikan dan pelbagai lagi.

Sebagai khalifah Allah di bumi, akal dan fikiran bukan saja membeza malah memisahkan tabii manusia daripada haiwan dan makhluk Allah yang lain. Manusia membentuk masyarakat dan membina peradaban. Mereka menggarap ilmu pengetahuan menerusi renungan dalam dan persekitaran bagi memakmurkan diri serta alam. Tetapi makhluk Allah yang lain, termasuk malaikat